

## *Pelaksanaan Literasi Visual dalam Pengajaran dan Pembelajaran*

**Badrolhaizat Kamsin**

badrolhaizat\_kamsin@moe.edu.sg

**Nur Idayu Yusi**

nur\_idayu\_yusi@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Woodgrove

### *Abstrak*

Penguasaan kemahiran abad ke-21 merupakan salah satu matlamat yang ingin dicapai oleh pihak Kementerian Pendidikan Singapura bagi mempersiapkan diri murid-murid bersaing secara global pada masa hadapan. Kemahiran menginterpretasi bahan visual merupakan salah satu kemahiran dan kecekapan yang perlu dikuasai oleh murid kerana mereka dilonggokkan dan terdedah kepada bahan-bahan visual dan imejan-imejan dalam kehidupan seharian. Satu uji cuba dan eksperimen / kajian pembelajaran telah dijalankan bagi mengenal pasti keberkesanan pengajaran bahasa berdasarkan Literasi Visual. Satu pelajaran kefahaman yang menggunakan bahan visual ‘Garis Waktu’ (*Timeline*) telah dijalankan bagi murid Darjah 3 dan 1 pelajaran peribahasa yang menggunakan bahan visual kartun telah dijalankan dalam uji cuba dan kajian pembelajaran ini bagi Darjah 5. Strategi Pengajaran Secara Eksplisit telah digunakan dalam menjalankan sesi pengajaran ini. Dapatkan dari data-data yang mengukur kepuasan dan keupayaan mengikuti sesi pengajaran ini menunjukkan bahawa 90% daripada responden dapat mengikuti dan memahami pengajaran yang disampaikan sementara data-data yang berkaitan dengan keupayaan menginterpretasi bahan visual dan menjawab soalan-soalan menunjukkan bahawa hanya 70% sahaja responden yang dapat menginterpretasi dan memahami bahan visual. Walau bagaimanapun banyak yang boleh dilakukan bagi meningkatkan lagi kemahiran ini pada masa hadapan.

Kata Kunci: Literasi Visual, Garis Waktu, kartun, peribahasa, imejan

## PENGENALAN

Kita sering dilambakkan dengan bahan visual dalam semua aspek kehidupan. Banyak imejan visual yang dipaparkan kepada kita melalui Internet, akhbar, maklumat dan poster-poster di stesen-stesen MRT, akhbar, majalah dan lain-lain lagi. Persoalannya adakah kita faham akan makna dan maklumat yang ingin disampaikan melalui imejan dan bahan-bahan visual ini. Menurut Georgis et al. (1999) Literasi Visual merupakan keupayaan membaca, mentaksirkan dan mereka imejan; iaitu keupayaan mendapatkan makna daripada imejan, pembaca perlu menggunakan kemahiran-kemahiran kritikal seperti penerokaan, kritikan dan renungan.

Menerusi literasi visual, murid dapat mentaksirkan imejan-imejan masa kini dan masa lalu bagi menghasilkan imejan yang berkesan dalam menyampaikan mesej kepada penonton. Walau bagaimanapun, Stafford (2011) menyatakan bahawa ini tidak bererti bahawa setiap imejan yang dipaparkan semestinya mengandungi makna sebenar yang perlu dinyahkod tetapi sebaliknya literasi visual dapat membina kemahiran menganalisis apa yang dilihat secara berkesan.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu eksperimen bagi meneliti keberkesanan bahan visual dalam membina pemahaman murid dengan menggunakan imejan dan bahan visual. Tujuan kajian pengajaran ini adalah meneliti:

1. sama ada murid memahami makna-makna dan maklumat dalam imejan dan bahan-bahan visual setelah pendedahan dijalankan;
2. keberkesanan pengajaran yang dijalankan dalam menjana idea bagi membina kemahiran Literasi Visual murid; dan
3. sama ada bahan visual dapat membantu dalam menjana idea dalam pembelajaran peribahasa dan kefahaman.



## **PERNYATAAN MASALAH**

Kementerian pendidikan Singapura telah merangkakan inisiatif penguasaan kemahiran abad ke-21 agar murid dapat bersaing secara global pada masa hadapan. Terdapat segolongan murid yang lemah dalam menginterpretasi bahan dan teks visual sehingga gagal menterjemahkan maksud yang ingin disampaikan secara tepat. Isu ini dikenal pasti sebagai penting kerana murid-murid perlu membina kemahiran menginterpretasi bahan visual dan membolehkan murid memiliki Literasi Visual. Akibat daripada kesedaran pentingnya kemahiran ini dibina dalam diri murid, satu kajian pengajaran dijalankan bagi meneliti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bagi membina kemahiran ini.

## **KAJIAN LEPAS**

Berger (2006) mengatakan bahawa evolusi bahasa manusia bermula dengan penglihatan dan pengecaman, kemudian pengucapan dan diikuti pula oleh pembacaan serta penulisan. Walau bagaimanapun, Berger menegaskan bahawa terdapat satu elemen literasi yang sering ditinggalkan dalam pengajaran literasi yang formal iaitu imejan visual yang memainkan peranan penting dalam proses pemahaman. Elemen-elemen literasi biasanya dihuraikan sebagai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis manakala kemahiran melihat hanya disentuh secara sepintas lalu atau sekiranya perlu.

Literasi Visual merupakan suatu bahagian yang penting dalam bidang pendidikan bagi masyarakat abad ke-21. Masyarakat abad ini telah terdedah kepada imejan secara konsisten dalam kehidupan seharian. Kita sentiasa dikelilingi oleh maklumat yang disampaikan melalui pelbagai media visual, satu fakta yang tidak dapat tidak mengubah definisi kita tentang apa ertiannya menjadi terdidik. Keperluan memiliki kemahiran literasi kontemporari ini jelas diperkatakan oleh Makin dan Whitehead (2004) yang mengatakan bahawa apabila seseorang memperkatakan tentang literasi, ia juga merangkumi kemahiran-kemahiran mendengar, lisan, membaca, menulis, memberi pendapat dan pemikiran kritikal.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kajian pengajaran yang dijalankan melalui eksperimen atau uji cuba bahan yang telah dibina bersama Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS). Strategi pengajaran yang digunakan adalah secara eksplisit yang terbahagi kepada 5 tahap iaitu pengenalan, penerangan, *modeling*, penilaian dan penutup.

### **Subjek Kajian**

Kajian uji cuba ini disasarkan kepada murid dalam dua peringkat iaitu murid Darjah 5 yang merangkumi dua buah kelas dengan bilangan murid seramai 61 orang murid. Satu lagi peringkat ialah murid-murid Darjah 3 seramai 68 orang murid.

### **Instrumen Kajian**

Uji cuba yang dijalankan ke atas murid-murid ini ialah penggunaan bahan visual kartun dalam pembelajaran Peribahasa bagi murid Darjah 5. Bagi murid-murid ini, pada akhir pembelajaran ini diharapkan murid dapat memberikan peribahasa dan maksudnya yang sesuai berdasarkan visual kartun serta membina ayat dengan menggunakan peribahasa atau maknanya mengikut konteks yang sesuai.

Bagi murid-murid Darjah 3 pula, bahan visual yang digunakan ialah Garis Waktu (*Timeline*) bagi pelajaran kefahaman. Pada akhir pembelajaran, mereka diharapkan dapat menghasilkan satu Garis Waktu dengan berpandukan teks yang diberikan.

Bagi pengumpulan data pula, borang rubrik yang mengukur kepuasan dan kebolehan murid mengikuti dan memahami pengajaran digunakan. Keberkesanan bahan yang digunakan juga dinilai melalui borang soal selidik.



## **Prosedur Kajian**

Prosedur kajian yang dijalankan mengikut Kaedah Pengajaran Secara Eksplisit yang terbahagi kepada 5 tahap iaitu pengenalan, penerangan, *modeling*, penilaian dan penutup.

### **Tahap Pengenalan**

Tahap Pengenalan merupakan tahap murid-murid diberi penerangan tentang matlamat yang ingin dicapai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang akan dijalankan. Semua matlamat yang ingin dicapai ditulis pada papan tulis agar murid fokus dalam mencapai matlamat yang diinginkan.

### **Tahap Penerangan**

Tahap Penerangan merupakan tahap guru memberi penerangan terperinci tentang bahan visual yang akan diajar. Guru akan menerangkan ciri-ciri dan fungsi bahan visual. Dalam kajian ini, dua jenis bahan visual telah digunakan. Bagi Darjah 3, bahan visual Garis Waktu (*Timeline*) telah digunakan bagi pelajaran kefahaman sementara bagi Darjah 5, bahan visual Kartun telah digunakan bagi pelajaran Peribahasa.

### **Tahap *Modeling***

Tahap *Modeling* merupakan tahap yang penting dalam Kaedah Pengajaran Secara Eksplisit. Dalam tahap ini, guru bersama murid akan bersama-sama membuat latihan bahan visual yang telah diajar.

### **Tahap Penilaian**

Tahap Penilaian merupakan tahap murid-murid melaksanakan tugas yang diberi oleh guru. Dua jenis penilaian dijalankan iaitu Latihan Terbimbing dan Latihan Kendiri. Dalam Latihan Terbimbing, murid akan melaksanakan tugas secara berkumpulan atau berpasangan. Guru bertindak sebagai fasilitator dan mengawasi kegiatan murid. Guru akan memberi bimbingan kepada murid sekiranya murid mengalami kesukaran. Bagi Latihan Kendiri, murid akan melaksanakan tugas yang diberi secara sendiri.

## Tahap Penutup

Tahap Penutup merupakan tahap terakhir Kaedah Pengajaran Secara Eksplisit ini. Pada tahap ini, guru akan mengulangi semula matlamat pengajaran dan perkara-perkara penting yang telah disentuh semasa tahap pengenalan dan penerangan

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran, murid-murid dikehendaki mengisi borang rubrik yang meneliti keberkesanan pelajaran dan respons mereka terhadap pengajaran literasi visual yang telah dijalankan.

### Dapatkan Maklum Balas daripada Murid Darjah 3 Pengajaran Menggunakan Visual Garis Waktu (Pemahaman)

Maklum balas daripada murid tentang keberkesanan pelajaran berdasarkan bahan Literasi Visual garis waktu adalah seperti berikut:


Jadual 1: Peratusan Pencapaian Berdasarkan Bahan Visual Garis Waktu

Bil	Saya dapat...	Cemerlang (%)	Baik (%)	Sederhana (%)	Kurang Memuaskan (%)	Jumlah (%)
1.	mempelajari visual Garis Waktu	66	22	12	0	100
2.	mengenal pasti maklumat yang terdapat dalam teks	52	29	10	9	100
3.	mengisi maklumat-maklumat penting pada visual garis waktu	49	19	22	10	100
4.	menggunakan pengetahuan tentang visual Garis Waktu bagi menghasilkan penulisan	51	25	15	10	100

Rajah 1 menunjukkan julat respons murid tentang keberkesanan sesi pengajaran Literasi Visual menggunakan bahan Garis Waktu.



**Rajah 1: Keberkesanan Bahan Visual Garis Waktu dalam Pembelajaran Pemahaman**



Rajah 1 menunjukkan bahawa murid dapat mempelajari dan memahami konsep garis waktu. Ini dapat dilihat menerusi peratusan respons para murid seperti yang tertera di atas. Mereka juga mampu mengenal pasti maklumat penting dalam garis waktu dan menggunakan maklumat tersebut untuk menghasilkan penulisan. Walau bagaimanapun masih terdapat segolongan murid yang belum menggarap kemahiran memahami bahan visual. Ini disebabkan oleh kekurangan pengetahuan memahami dan menginterpretasi imejan-imejan yang terdapat dalam bahan visual itu.

#### Dapatan daripada Murid Darjah 5 Pelajaran tentang Peribahasa Menggunakan Visual Kartun


Maklum balas daripada murid Darjah 5 tentang keberkesanan pelajaran berdasarkan bahan literasi visual kartun adalah seperti berikut:

**Jadual 2: Keberkesanan Bahan Visual Kartun dalam Pembelajaran Peribahasa**

Bil	Saya dapat...	Cemerlang (%)	Baik (%)	Sederhana (%)	Kurang Memuaskan (%)	Jumlah (%)
1.	menggunakan visual kartun untuk memahami peribahasa dengan baik	57	28	15%	4%	100
2.	Memberikan peribahasa yang sesuai dengan menggunakan kartun	54	30	10%	6%	100
3.	Membina ayat dengan menggunakan peribahasa mengikut konteks yang sesuai	53	24	13	0	100

Rajah 2 menunjukkan julat respons murid tentang keberkesanan sesi pengajaran literasi visual menggunakan bahan kartun.

**Rajah 2: Keberkesanan Bahan Visual Kartun dalam Pembelajaran Peribahasa**



Dapatan menunjukkan bahawa murid Darjah 5 yang terlibat menunjukkan pencapaian yang sama dengan murid Darjah 3. Mereka dapat memberikan peribahasa yang tepat berdasarkan gambar kartun dan dapat membina ayat menggunakan peribahasa yang sesuai mengikut konteks.

### **Maklum Balas Murid Secara Keseluruhan Terhadap Pembelajaran Literasi Visual**

Pada akhir pelajaran, murid memberikan respons tentang pembelajaran menggunakan literasi visual seperti berikut:

**Jadual 3: Peratusan respons terhadap pengajaran yang dijalankan**

No	Item A. Pengajaran	Sangat Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Sangat Tidak Setuju (%)	Jumlah (%)
1.	Saya suka pelajaran ini.	54	38	8	0	100
2.	Saya faham apa yang diajar oleh guru.	47	47	6	0	100
3.	Saya boleh berinteraksi dengan kawan.	50	50	0	0	100
4.	Saya boleh berinteraksi dengan guru.	54	41	5	0	100
5.	Saya boleh belajar bersama rakan.	65	35	0	0	100
6.	Saya boleh melaksanakan latihan atau aktiviti yang dirancang oleh guru.	44	50	6	0	100

Berdasarkan maklum balas murid tentang pelajaran yang dikendalikan, ramai yang memberikan respons yang positif.

Jadual 4: Peratusan Respons Terhadap Bahan yang Digunakan dalam Pengajaran.

No.	Item Bahan	Sangat Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Sangat Tidak Setuju (%)	Jumlah (%)
1.	Bahan pembelajaran yang digunakan sesuai.	44	53	3	0	100
2.	Bahan yang digunakan mudah untuk difahami.	44	47	8	0	100
3.	Bahan yang digunakan menarik.	44	50	6	0	100

Maklum balas menunjukkan bahawa bahan yang digunakan adalah bersesuaian dengan pelajaran yang dijalankan. Selain itu bahan ini juga dikatakan sebagai menarik dan mudah untuk difahami. Bagaimana pun, ada segelintir murid masih tidak dapat mengasosiasikan imejan dan pengajaran yang guru sampaikan serta ketidakupayaan untuk menjelaskan imejan dalam bentuk bahasa.

Jadual 5. Peratusan Respons terhadap Keseluruhan Pembelajaran

No.	Item Keseluruhan	Sangat Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Sangat Tidak Setuju (%)	Jumlah (%)
1.	Penerangan guru jelas.	56	41	3	0	100
2.	Aktiviti yang dirancang membantu saya memahami apa yang perlu dipelajari.	53	44	3	0	100

Berdasarkan maklum balas murid ke atas keseluruhan pembelajaran, murid mendapati bahawa literasi visual mudah dipelajari dengan penerangan jelas daripada guru serta aktiviti yang dapat mengukuhkan pemahaman murid tentang literasi visual.

## KESIMPULAN

Menurut hasil dapatan kajian dan perbincangan, kaedah literasi visual membantu para murid daripada segi pemahaman teks menerusi garis waktu. Murid juga dapat menjana idea menerusi bahan visual (kartun) yang digunakan dalam pembelajaran uji cuba. Walau bagaimanapun, literasi visual bukan



merupakan suatu keupayaan yang dimiliki oleh seseorang tetapi merupakan sesuatu yang dilakukan serta memerlukan pembinaan suatu set kemahiran dan keupayaan yang khusus.

Banyak lagi kajian yang dapat dilakukan dalam bidang Literasi visual ini. Bidang ini amat penting bagi memastikan murid-murid membina kemahiran ini agar turut relevan dalam menghadapi perkembangan ilmu dalam abad ke-21.

Nota:

Guru lain yang turut terlibat dalam kajian:

1. Tuty Erahayu Abdul Hakim

## RUJUKAN

Georgis C. et al (1999). *Children's Books: Visual Literacy'*, The Reading Teacher, 53 (2): 146-53

Lapp, D., Flood, J., & Fisher, D. (1999) *intermediality: How the Use of Multiple Media Enhances Learning*. Leading Teacher, 52(7). 776-780

Makin L. and Whitehead. M (2004). *How To Develop Children's early Literacy*. London: Paul Chapman Publishing

Stafford T. (2011). *Teaching Visual Literacy In The Primary Classroom. Comic Books. Film, Television and Narratives*. Routledge. New York